



## Analisis Punca Perceraian Dalam Kalangan Remaja: Kajian Kes di Kota Bharu 2010-2014

Wan Murni Binti Wan Moktar, Anwar Fakhri Bin Omar

Pusat Fiqh Kontemporari dan Pematuhan Syariah  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600, UKM Bangi Campus, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.  
E-mail : wurni92@gmail.com; afbo67@gmail.com

---

**Abstrak** - Perceraian merupakan isu sejagat yang sering berlaku dalam kalangan remaja pada hari ini. Hal ini sekaligus menghancurkan keharmonian dalam rumah tangga. Perceraian bermaksud putus hubungan suami isteri, berpisah dan menceraikan untuk hidup berasingan. Perceraian yang terdapat dalam Enakmen Keluarga Islam Negeri yang sedang berkuatkuasa di negeri-negeri berkenaan adalah perceraian dengan lafaz talak, pengesahan lafaz talak, cerai taklik dan tebus talak. Tujuan kajian ini adalah untuk melihat punca perceraian dalam kalangan remaja di Kota Bharu. Sehubungan dengan itu, kajian ini adalah ingin melihat kekerapan peringkat umur yang terlibat dalam kes perceraian remaja dalam tempoh 2010 hingga 2014 dan meneroka faktor-faktor berlakunya perceraian dalam kalangan remaja di Kota Bharu. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan mengambil pendekatan analisis data dan dokumen bagi mengenalpasti punca perceraian dalam kalangan remaja di Mahkamah Syariah Kota Bharu berdasarkan Enakmen Keluarga Islam Negeri Kelantan 1/1983 dan merujuk buku-buku ilmiah. Kajian ini diharapkan dapat membantu Jabatan Agama Islam Negeri Kelantan dengan mempertingkatkan modul kursus pra perkahwinan dan membuat penambahbaikan dari masa ke masa supaya pasangan yang akan mendirikan rumah tangga lebih memahami tanggungjawab mereka seterusnya dapat mengelakkan daripada berlakunya perceraian.

**Kata Kunci:** Perceraian, Punca, Remaja, Kota Bharu.

---

### I. Pendahuluan.

Talaq dari segi Bahasa ertinya mengungkai atau melepaskan ikatan. (Sayyid Sabiq, 1973). Menurut istilah syarak pula talaq bermaksud melepaskan ikatan perkahwinan ( jika talaq itu talaq bain) atau setengahnya ( jika talaq tersebut talaq raj'i) dengan menggunakan lafaz tertentu. (Al Jaziri, Abdul Rahman, 1938). Walaupun Islam menghalalkan talaq atau perceraian, tetapi ia merupakan perkara halal yang paling dibenci oleh Allah (S.W.T.). ( Aisha Lemu, 1978). Hal ini di jelaskan oleh Rasulullah (S.A.W.) dalam hadith yang diriwayatkan oleh Abu Daud daripada Ibn Umar. (Syeikh Hj. Muhammad Yunus bin Hj. Mohd Yatim, 2009).

أبغض الحلال إلى الله الطلاق.

Maksudnya : perkara halal yang paling dibenci oleh Allah (S.W.T.) ialah talaq.

Hadits ini dishahihkan oleh Al-Hakim dalam kitab al-Mustadrak, dan di-taqirir oleh adz-Dzahabi, tetapi dengan lafaz ما أحل الله شيئاً أبغض إليه من الطلاق. al-Mustadrak kitab ath-Talaq no. 2794 (2/214). Di sinilah letaknya kesempurnaan dan keunggulan Islam yang telah menghalalkan talaq dengan syarat-syarat yang amat ketat.

Ertinya dihalkkan talaq, tetapi ia tidak boleh dibuat gurau atau isteri sewenang-wenangnya meminta cerai dengan sesuka hati. Hal ini dijelaskan oleh Rasulullah (S.A.W.) di dalam hadith yang diriwayatkan oleh Abu Daud dan Turmuzi :

## امرأة زوجها الطلاق من غير بأس فحرام عليها رائحة الجنة أيما

*Maksudnya :*

*Mana-mana wanita yang meminta talaq daripada suaminya tanpa sebab yang sepatutnya,*

*Maka haram ke atasnya bau syurganya.*

Dalam pentadbiran undang-undang keluarga Islam di Kelantan terdapat enakmen yang memperuntukkan setiap perkahwinan dan perceraian didaftarkan dengan pendaftar perkahwinan dan perceraian serta direkodkan di mahkamah. Dengan cara ini keberkesanan Enakmen Keluarga Islam dapat diketahui.

( Sek 96, Enakmen Acara sivil Syariah Negeri Kelantan no.5/1984).

Beberapa jenis – jenis perceraian yang berlaku di mahkamah,

1. Perceraian dengan kehendak satu pihak(suami) yang dikenali dengan Talaq.
2. Perceraian dengan kehendak kedua-dua pihak (suami dan isteri) yang dikenali dengan Khul' (خلع).
3. Perceraian dengan kuasa hakim yang dikenali sebagai Fasakh (فسخ). ( Mohd Saleh Haji Ahmad,2009).

## II. Permasalahan Kajian

Berdasarkan sumber Jakim, statistik Pendaftaran cerai mengikut negeri-negeri ialah kadar perceraian dalam tempoh 10 tahun (1990-2000) negeri Kelantan paling tinggi iaitu 18,867 pasangan di Kelantan dan diikuti oleh Negeri Kedah 18,011 pasangan yang bercerai. Ini menambah lagi minat penyelidik untuk mengkaji dengan lebih mendalam berkenaan masalah ini. (Ummah Madani Stastik Perceraian, 2012). Hal ini berikutan Negeri Kelantan diketahui umum sebagai negeri “Serambi Mekah”, malah terdapat banyak sekolah menengah agama sama ada di bawah kendalian kerajaan persekutuan atau kerajaan negeri dan terdapat banyak sekolah pondok berbanding negeri-negeri lain di Malaysia. Namun negeri Kelantan terus berada di tempat tertinggi dari segi kadar perceraian. Inilah menyebabkan penyelidik ingin mengetahui, mengapakah perkara ini boleh berlaku.? Di samping itu penduduk negeri Kelantan masih lagi kuat mengamalkan cara hidup tradisi melayu dan kurang pengaruh barat. Penyelidik ingin mengkaji sejauhmanakah faktor ini mempengaruhi punca perceraian dalam kalangan remaja di negeri Kelantan.

## III. Permasalahan dan Objektif Kajian

Kajian oleh Mohamed Dahan (1998) menjelaskan bahawa masih terdapat dalam kalangan pembayar zakat yang tidak berpuas hati dengan pengurusan institusi zakat iaitu isu berkaitan dengan prosedur permohonan asnaf dan proses tapisan yang merumitkan. Memandangkan MAIWP telah menetapkan kaedah permohonan bantuan zakat pendidikan melalui kaedah temuduga, oleh itu kajian ini dijalankan adalah untuk mengukur persepsi pelajar Institut Profesional Baitulmal terhadap prosedur permohonan bantuan zakat pendidikan MAIWP.

## IV. Statistik Perceraian di Kota Bharu, Kelantan

Berdasarkan statistik perceraian Bahagian Pentadbiran Undang-undang Keluarga, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan dalam tempoh 5 tahun iaitu tahun 2010 – 2014. Jumlah kes perceraian di daerah Kota Bharu. Jumlah perceraian tahun 2010 sebanyak 594. Pada tahun 2011 berjumlah 851 berlaku peningkatan sebanyak 257 kes. Pada tahun 2012 sebanyak 913 kes peningkatan sebanyak 62 kes. Pada tahun 2013 sebanyak 769 kes. Pada tahun ini berlaku penurunan 144 kes tetapi berlaku peningkatan semula sebanyak 77 kes pada tahun 2014 dengan 846 kes. Jumlah keseluruhan dalam tempoh 5 tahun sebanyak 3973 kes.

Jadual 1. Statistik Perceraian mengikut Jajahan

DAERAH/TAHUN	2010	2011	2012	2013	2014	JUMLAH
BACHOK	231	231	259	203	225	1149
<b>KOTA BHARU</b>	<b>594</b>	<b>851</b>	<b>913</b>	<b>769</b>	<b>846</b>	<b>3973</b>
MACHANG	124	158	171	164	171	792
PASIR MAS	248	337	342	358	335	1620
PASIR PUTEH	236	311	220	264	337	1378
TANAH MERAH	234	244	289	277	279	1323
TUMPAT	237	287	234	238	284	1280
GUA MUSANG	155	163	288	204	207	917
KUALA KRAI	172	230	238	213	236	1089
JELI	58	90	72	61	92	373
<b>JUMLAH</b>	<b>2279</b>	<b>2902</b>	<b>2930</b>	<b>2751</b>	<b>3012</b>	<b>138.94</b>

Sumber: Bahagian Pentadbiran Undang-undang Keluarga Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan.

Daripada statistik di atas juga kita dapat lihat jumlah kes perceraian dalam tempoh 5 tahun iaitu tahun 2010-2014 di negeri Kelantan sebanyak 138,94 kes. Pada tahun 2010 jumlah perceraian sebanyak 2299. Manakala pada tahun 2011 sebanyak 2902. Jumlah ini menunjukkan peningkatan sebanyak 603 kes. Pada tahun 2012 pula jumlah kes perceraian sebanyak 2930. Dalam tempoh setahun iaitu 2011-2012 berlaku peningkatan kes perceraian sebanyak 28 kes. Walaupun ada peningkatan tetapi jumlahnya berkurangan berbanding dalam tempoh sebelumnya. Pada tahun 2013 jumlah kes perceraian menurun kepada 2761. Jumlah ini menggambarkan berlaku penurunan sebanyak 169 kes. Manakala pada tahun 2014 meningkat kepada 3012 iaitu berlaku peningkatan semula sebanyak 251 kes. Pada tahun ini jumlah kes perceraian paling tinggi dalam tempoh 5 tahun. Daripada statistik ini daerah Kota Bharu menunjukkan kes perceraian paling tinggi iaitu sebanyak 3973 berbanding daerah-daerah lain. Diikuti daerah Pasir Mas iaitu sebanyak 1620, daerah Tanah Merah sebanyak 1323 dan yang paling rendah Jajahan Jeli sebanyak 373.

Jadual 2. Statistik Perceraian mengikut umur

TAHUN	Umur				JUMLAH
	16-18	17-20	21-25	26-30	
2010	32	43	155	232	462
2011	5	36	229	364	634
2012	4	53	237	352	646
2013	3	37	153	365	558
2014	5	41	204	362	612
JUMLAH	49	210	978	1675	2912

Sumber : Bahagian Pentadbiran Undang-undang Keluarga Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan

Statistik menunjukkan jumlah perceraian mengikut umur di Kota Bharu dalam tempoh 5 tahun. Bermula tahun 2010-2014. Pada tahun 2010 peringkat umur 16 hingga 18 tahun jumlah perceraian sebanyak 32 kes. Manakala umur 17-20 tahun sebanyak 43 kes. Umur 21-25 tahun sebanyak 155 kes. Umur 26-30 tahun sebanyak 232 kes. Jumlah keseluruhan sebanyak 462 kes sepanjang tahun 2010. Pada tahun 2011 umur 16-18 tahun sebanyak 5 kes. Umur 17-20 tahun sebanyak 36 kes. Umur 21-25 tahun sebanyak 229 kes. Umur 26-30 tahun sebanyak 364. Jumlah keseluruhan tahun 2011 sebanyak 634 kes. Jumlah ini menunjukkan berlaku peningkatan sebanyak 172 kes dalam tempoh setahun. Pada tahun 2012 peringkat umur 16-18 sebanyak 4 kes. Umur 17-20 sebanyak 53 kes, Umur 21-25 tahun sebanyak 237 kes, Umur 26-30 tahun sebanyak 352 kes. Jumlah keseluruhan pada tahun 2012 sebanyak 646 kes.

Pada tahun ini berlaku peningkatan sebanyak 12 kes sahaja. Pada tahun 2013 terdapat sebanyak 3 kes pada peringkat umur 16-18. Umur 17-20 tahun pula sebanyak 37 kes. Umur 21-25 tahun sebanyak 153 kes. Umur 26-30 tahun sebanyak 365 kes. Jumlah keseluruhan pada tahun 2013 sebanyak 558 kes. Pada tahun ini berlaku penurunan sebanyak 55 kes. Seterusnya, pada tahun 2014 umur 16-18 tahun sebanyak 5 kes. Umur 17-20 tahun sebanyak 41 kes. Umur 21-25 tahun sebanyak 204 kes dan umur 26-30 tahun sebanyak 362 kes. Pada tahun ini jumlah keseluruhan meningkat sebanyak 54 kes. Jumlah keseluruhan perceraian dalam tempoh 5 tahun 2010-2014. Pada peringkat umur 16-30 sebanyak 2912 kes.

## V. Punca-Punca Perceraian

Bahagian ini akan menjelaskan beberapa punca – punca perceraian yang berlaku dengan beberapa keterangan yang berkaitan.

### 5.1 Punca-punca Perceraian di Malaysia

Menurut Ibrahim Lembut (2014), terdapat tujuh perkara yang menjadi punca utama berlakunya perceraian dalam kalangan pasangan beragama Islam. Antaranya ialah kekurangan ilmu agama, faktor seksual, kewujudan pihak ketiga, pasangan tidak bertanggungjawab, masalah kesihatan, tidak berakhlak dan masalah ekonomi.

#### 1). Kekurangan ilmu agama.

Kurang pengetahuan tentang ilmu agama Islam terutama dalam bab munakahat menyebabkan pasangan yang berkahwin jahil tentang tugas dan tanggungjawab masing-masing (Mustafa Hj. Daud, 1995). Agama merupakan tonggak dalam sesebuah institusi kekeluargaan tanpa pegangan agama yang kukuh sesebuah rumah tangga akan mudah berlaku perceraian.

#### 2). Faktor seksual.

Antara contoh faktor seksual ini seperti pasangan bersikap dingin, tiada kepelbagaian dalam seks dan tiada kepuasan seks (Hayati Ibrahim, Nazdy Harun dan Juniadi Ladjana, 2014). Faktor keperluan seks tidak dapat dipenuhi ini menyebabkan salah seorang daripada pasangan merasakan bahawa kebahagiaan tidak lagi dikecapi. Hal ini juga menjadi alasan untuk pasangan tersebut mencari kekasih lain yang dapat memenuhi keinginannya. Seterusnya, hal ini menimbulkan perbalahan dan akhirnya menyebabkan perceraian.

### 3). Kewujudan pihak ketiga

Kewujudan pihak ketiga juga boleh menjadi punca berlakunya perceraian. Menurut Ibrahim Lembut (2014), pihak ketiga bukan hanya merujuk kepada orang luar atau kekasih, tetapi juga ahli keluarga, saudara mara dan sahabat. Tambahan lagi, kajian daripada Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia mendapati bahawa peratusan tertinggi perceraian kerana wujudnya pihak ketiga adalah disebabkan campur tangan keluarga, diikuti pasangan yang bermain “kayu tiga” dan campur tangan saudara mara. Kebiasaannya, apabila perbalahan melibatkan ahli keluarga pasangan akan lebih cenderung mempertahankan ahli keluarganya. Seterusnya, mengakibatkan perbalahan berpanjangan dalam tempoh tertentu sehingga menjadi punca berlakunya perceraian.

### 4). Pasangan yang tidak bertanggungjawab

Peranan suami dan isteri adalah penting dalam kehidupan berumahtangga. Sememangnya, mereka hendaklah bertolak ansur dan saling memahami antara satu sama lain. Setiap pasangan berperanan menjalankan tanggungjawab dengan sebaiknya supaya perkahwinan sentiasa harmoni dan bahagia. Walaupun begitu, terdapat juga sesetengah pasangan yang tidak bertanggungjawab seperti tidak bekerja, tidak prihatin dalam menguruskan anak-anak atau tiada tolaq ansur dalam urusan kerja rumah. Untuk itu di dalam diri suami atau isteri hendaklah banyak tertanam rasa untuk saling menolong, saling melindungi, saling membantu dan saling memberi kasih mesra dan kecintaan serta masing-masing samada suami atau isteri melaksanakan kewajibannya. (Muhammad Zuhair, 1995). Oleh yang demikian, pengabaian tanggungjawab ini menjadi punca perceraian berlaku.

### 5). Masalah kesihatan

Menurut Marzulina Omar (2003), antara masalah kesihatan yang membawa kepada perceraian adalah penyakit yang menghalang daripada berlakunya hubungan intim dengan pasangan. Sebagai contoh, lumpuh, sakit tua, ketahanan badan yang lemah menyebabkan sering mendapat sakit, menghidap penyakit AIDS atau HIV. Sekiranya salah seorang daripada pasangan suami isteri menghadapi masalah kesihatan tersebut, maka hubungan intim suami isteri tidak dapat dilakukan. Kemungkinan juga pasangan ini sukar untuk memperolehi zuriat. Hal ini boleh membawa kepada perceraian kerana ia merupakan penyakit yang sukar diubati.

### 6). Tidak berakhlak

Berakhlak merupakan salah satu elemen penting dalam perhubungan. Selain itu, berakhlak juga dituntut dalam Islam sebagaimana akhlak Rasulullah SAW. Pasangan yang sentiasa menjaga akhlak dan perlakuannya dapat menjamin keharmonian keluarganya. Sebagai contoh, saling bertolak-ansur, memahami, menjaga perasaan dan sentiasa mengelakkan pergaduhan. Hal ini berbeza dengan pasangan yang tidak berakhlak dan terlalu bersosial. Kebanyakan pasangan tersebut akan saling menyakiti hati pasangannya sehingga menyebabkan perbalahan dan bermasam-muka. Jika keadaan tersebut berlarutan, maka perbalahan yang lebih serius akan berlaku. Maka, keadaan tersebut boleh menyebabkan perceraian.

### 7). Masalah ekonomi

Sumber kewangan yang kukuh boleh mempengaruhi kesejahteraan hidup berumah tangga. Menghadapi masalah kewangan juga menjadi punca perceraian kerana pasangan tidak mampu menanggung perbelanjaan keluarga. (Zulkifli Mohamad Al-Bakri, t.th). Ini biasanya dialami oleh suami yang tidak dapat menyediakan segala keperluan serta perbelanjaan yang secukupnya. Kemungkinan berlaku jika suami tidak bekerja atau berpendapatan kurang daripada isteri.

#### 5.2 Punca-punca Perceraian Di Kota Bharu, KELANTAN

Mengikut kajian kes yang diambil dari Mahkamah Rendah Syariah Kota Bharu, Kelantan dalam tempoh 2010 – 2014. Punca utama yang di rekodkan ialah tiada persefahaman antara pasangan. Daripada 45 kes perceraian. 37 pasangan memberi alasan sebab-sebab mereka ingin bercerai kerana tiada persefahaman.

Selain itu, punca perceraian seterusnya ialah suami tidak bertanggungjawab dan tidak memberi nafkah kepada isteri dan anak-anak. Ada juga yang memberi nafkah tetapi tidak mencukupi sebagai mana yang tercatat dalam kes mahkamah dalam fail kes Mal No-03001-055-2007-2010 antara remaja yang berumur 22 tahun dan pasangannya berumur 24 tahun. Tempoh perkahwinan selama 2 tahun sahaja iaitu bernikah pada 2.1.2009 dan bercerai pada 13.7.2011. Antara sebab perceraian pasangan ini ialah sudah tiada persefahaman, suami gagal menjalankan tanggungjawab dan suami tidak memberi nafkah.

Seterusnya, suami penagih pil kuda, pemabuk dan suka berjudi sebagai bukti dalam fail kes Mal No-03001-055-0159-2013 antara pasangan yang berkahwin ketika mereka berumur 19 tahun. Tempoh perkahwinan mereka selama 4 tahun. Tarikh nikah 12.1.2009 dan bercerai pada 22.1.2013. Mereka memberi sebab mereka bercerai kerana suami penagih dan pengedar dadah, suami malas bekerja, mencuri dan suami panas baran.

Berdasarkan kajian dalam kes Mahkamah di Kota Bharu juga terdapat punca perceraian ialah suami kahwin lain atau ada perempuan lain dan tidak adil antara isteri. Malah ada juga isteri yang menjalinkan hubungan dengan suami orang dan ada juga isteri yang minta cerai. Buktinya dalam kes fail Mal No 03001-

055-0175-2013. Perceraian berlaku pada pasangan yang berumur 20 tahun. Tempoh perkahwinan mereka selama 5 tahun. Pasangan ini bernikah pada 12.3.2008 dan bercerai pada 18.2.2013 sebab-sebab mereka bercerai kerana suami mengabaikan tanggungjawab dan berpogami tanpa pengetahuan isteri dan mereka melafazkan cerai dengan kebenaran mahkamah.

Terdapat juga sebab-sebab lain yang menjadi penyebab perceraian di Mahkamah Kota Bharu sekitar 2010 -2014 ialah campur tangan keluarga, tidak hormat keluarga dan tiada nafkah batin dari suami. Walau bagaimanapun secara keseluruhan punca perceraian dalam kalangan remaja yang berkahwin awal adalah berpunca daripada beberapa faktor seperti yang tercatat dalam fail mahkamah sehinggalah alam perkahwinan mereka tidak dapat diselamatkan.

## VI. Kesimpulan

Hubungan suami isteri dalam mengharungi kehidupan berumah tangga tidak selalunya indah, Pasangan suami isteri tidak dapat lari daripada menghadapi pelbagai masalah dan perselisihan faham dalam mengendalikan rumahtangga. Seperti kata pepatah melayu 'Lautan mana yang tidak bergelora'. Oleh itu suami isteri hendaklah bertolak-ansur dan saling memaafkan antara satu sama lain.

Begitu juga saling mencintai dan tolong menolong dalam melaksanakan tanggungjawab supaya rumahtangga harmoni dan berkekalan seterusnya perceraian dapat dielakkan. Islam memerintah supaya masing-masing bersabar seberapa yang boleh. Dalam hal ini Allah berfirman :

وَعَاشِرُوهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ فَإِنْ كَرِهْتُمُوهُنَّ فَعَسَى أَنْ تَكْرَهُوا شَيْئًا  
وَيَجْعَلَ اللَّهُ فِيهِ خَيْرًا كَثِيرًا

(An-Nissa" :19)

*Maksudnya :....Dan bergaullah kamu dengan mereka (isteri-isteri kamu itu) dengan cara yang baik. Kemudian jika kamu (merasai) benci kepada mereka (disebabkan tingkhalakunya, janganlah pula kamu terburu-buru menceraikannya), kerana boleh jadi kamu bencikan sesuatu, sedang Allah hendak menjadikan pada apa yang kamu benci itu kebajikan yang banyak (untuk kamu). (Abdullah Basmeh, 1995).*

Di samping itu Allah juga memerintah supaya dilantik dua orang hakim daripada keluarga isteri dan suami apabila berlaku pergeseran dan persengketaan di antara suami isteri agar mereka memainkan peranan sebagai pendamai seberapa yang mungkin bagi menyelamatkan rumahtangga yang dibina itu dari kehancuran. Sekiranya berlaku perceraian banyak mendatangkan kesan negatif khususnya terhadap anak-anak. Emosi mereka akan terganggu, akan timbul perasaan marah dan kecewa kerana tidak mendapat kasih sayang daripada kedua-dua ibu dan bapa. Mereka mudah terjebak dengan gejala sosial. Malah ibubapa yang bercerai juga akan memikul tanggungjawab seorang diri membesarkan anak – anak tanpa bantuan pasangan

## Rujukan

1. Al-Quran
2. Abdullah Basmeh.(1995). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada pengertian Al-Quran* . Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.
3. Abd. Rahim Abd. Rashid Sufean Hussin Jamaludin Tubah,(1999) *Institusi Keluarga Menghadapi Cabaran Alaf Baru*, utusan Publication & Distributors Sdn.Bhd. Terbitan Pertama, 1999
4. Abdullah Hassan & Ainon Mohd (2006), *Kemahiran Menyelaskan Krisis Rumah Tangga*, Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd. Terbitan Pertama,
5. Akhlak Rasulullah SAW yang disebutkan dalam al-Qur'an. Sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud: "Sesungguhnya telah ada pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik bagi kamu iaitu bagi orang yang sentiasa mengharap (keredhaan) Allah dan (balasan baik) hari Akhirat, serta ia juga banyak menyebut dan memperingati Allah (dalam masa susah dan senang)" (al-Ahzab, 33:21).
6. Al-Jaziri, Abdul Rahman ( 1938), *Kitab Al-Fiqh ' Ala Al Mazahib Al Arba'ah, Dar Al Ihya Al Turath Al-Arabi, Beirut*, Juzuk 4, hlm.287
7. B. Aisha Lemu and Fateema Heeren, *Woman In Islam*, Leicester : The Islamic Foundation, 1978, hlm 21.
8. Fadhilah Hj. Said. (1980). *Asas kekeluargaan dalam Islam*, Kuala Lumpur: Penerbit Knight
9. Hasniah Hassan (2005). *Keberkesanan Enakmen Keluarga Islam Negeri Kedah 1979 : Dalam Menangani Masalah Perceraian Dalam Kalangan Orang Islam Kedah*. Disertasi Sarjana, Ukm Bangi Selangor.
10. Hayati Ibrahim, Nazady Harun dan Junaidi Ladjana, *Harian Metro Edisi 15 April 2014*.
11. Ibrahim Lembut (2014), Berita Harian Edisi 4 Jun 2014. Hlm.10.

12. Marzulina Omar (2003, November). *Perkara Halal Yang Paling Dibenci Allah*. Majalah Sinar Rohani.
13. Mat Saad Abd Rahman. (t.t) *Undang-undang keluarga Islam aturan perkahwinan suatu pendekatan berdasarkan amalan semasa*. Petaling Jaya. Penerbit: Intel multimedia & Publication.
14. Mohd Saleh Hj Ahmad (2009), *Perkahwinan dan Perceraian dalam Islam*, Penerbit Pustaka Hj Majid Sdn.Bhd
15. Muhammad Yunus bin Hj. Mohd Yatim, *Panduan Suami Isteri, Melaka* , Jabatan Agama Islam Melaka, (t.t.), hlm 46, Pedoman Suami Isteri, hlm
16. Muhd Izawan Baharin, Hayati Ibrahim, Amir Abd Hamid & Mohd Husni Mohd Noor (2014). *Harian Metro Edisi 15 April 2014*
17. Muhammad Zuhair (1995), *Pendidikan Iman dan Akhlak Dalam Kekeluargaan Islam*,perniagaan jahabersa, Daiwal corp. printers & Book binders.
18. Mustafa Hj. Daud ( 1991), *Perkahwinan Menurut Islam*, Tinggi Press Sdn.Bhd
19. Sayyid Sabiq, *Fiqhus Sunnah, Darul Kutub*, Beirut, 1973 Jilid 2, hlm 206
20. Sek 96, Enakmen Acara sivil Syariah Negeri Kelantan no.5/198
21. Sunan Abu Daud (2009), *Kitab al Talaq*, Jilid 2.
22. Ummah Madani (2012), Stastik Perceraian , <http://kaunselingsyarie.blogspotlmy /2012/01 statistik perceraian -20 tahun 1990-2010.html>
23. Zaleha Kamarudin. (2005). *Divorce Laws In Malaysia (Civil And Syariah)*. Malaya Law Journal.
24. Zainal Abidin Safarwan. (1995). *Kamus Besar Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur : Utusan Publication And Distributors.
25. Zulkifli Bin Mohamed Al-Bakri (t.t). *Talak dan permasalahannya*. Nilai. Pustaka Cahaya Kasturi Sdn.Bhd.